



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG SESI PENGAJIAN 2019/ 2020

Permohonan penajaan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2019/ 2020 telah dibuka dan pemohon boleh mengisi borang secara dalam talian (*on-line*) melalui portal <http://esilav2.jpa.gov.my> sehingga tarikh tutup permohonan *on-line* iaitu pada 15 Mac 2019 (Jumaat). Tarikh akhir bagi mengemukakan borang permohonan juga ialah pada 15 Mac 2019 (Jumaat).

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) menawarkan sebanyak 12 biasiswa iaitu enam (6) di peringkat Sarjana dan enam (6) di peringkat Ph.D untuk calon mengikuti pengajian dalam bidang Sains dan Teknologi, Ekonomi, Undang-Undang dan Kewangan Islam.

Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat keputusan akademik yang amat cemerlang iaitu CGPA sekurang-kurangnya 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana. Keutamaan juga diberikan kepada calon yang mempunyai keupayaan yang luar biasa seperti penguasaan pelbagai bahasa, kebolehan yang istimewa, aktif dalam aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif, serta telah mendapat tawaran/ memulakan pengajian di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia. Calon-calon yang layak dan berjaya disenarai pendek akan melalui proses pemilihan termasuk temuduga.

Syarat-syarat kelayakan secara khusus adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tahun memulakan pengajian;
- iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan pencapaian CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau setaraf dengannya;
- iv. Calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif diberikan keutamaan;
- v. Calon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa diberikan keutamaan; dan
- vi. Telah mendapat tawaran/ memulakan pengajian di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka di dunia yang disenaraikan JPA.

Penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong adalah terikat untuk berkhidmat di Malaysia untuk tempoh tidak kurang dari lima (5) tahun. Oleh itu, penerima biasiswa yang telah menamatkan pengajian di luar negara diwajibkan pulang ke tanahair selepas tamat tempoh tajaan.

Sebarang maklumat lanjut mengenai penawaran ini, sila layari portal <http://esilav2.jpa.gov.my> atau hubungi talian 03-8885 3546/ 3053/ 3438 pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang atau emel pada ldp@jpa.gov.my.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 18 Februari 2019

Tel : 03 - 8885 3096/ 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2(22)